

18 OCT 2000

Asem-Mahathir

MAHATHIR AKAN SUARAKAN PANDANGAN M'SIA MENGENAI GLOBALISASI PADA ASEM

Oleh: E.Sivabalan

SEOUL, 18 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini esok untuk menghadiri Mesyuarat Asia-Eropah (Asem) pada Jumaat bagi mendapatkan daripada negara-negara Eropah kehadiran dan penyertaan bermakna bagi negara-negara membangun dalam membuat keputusan ekonomi global.

Di tengah-tengah tentangan antarabangsa yang semakin meningkat terhadap apa yang diistilahkan sebagai "globalisasi buruk", Perdana Menteri dijangka menyuarakan pendapat mengenai aspek-aspek negatif terhadap globalisasi semasa dialog antara pemimpin Asem, kata para pegawai Malaysia.

Malaysia mengekalkan pendirian bahawa ia tidak menentang globalisasi tetapi mahu masyarakat antarabangsa dan kuasa-kuasa dunia memastikan bahawa ia berfungsi untuk faedah semua pihak, merentasi negara dan di antara negara.

Ketika ketua-ketua negara dan wakil-wakil kanan tiba di sini bagi mesyuarat itu, polis Korea Selatan sedang bersedia menghadapi kemungkinan tunjuk perasaan oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) terhadap neo-liberalisme ekonomi dan Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO).

Pejabat penyediaan Asem di sini turut mengadakan sesi latihan untuk menghadapi sebarang kemungkinan pada bulan lepas.

Bantahan anti-globalisasi turut diadakan di Prague di Republik Czech pada bulan lepas di mana para pegawai kewangan dunia berhimpun untuk mesyuarat tahunan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia.

Terdapat juga bantahan yang bertukar menjadi liar pada mesyuarat WTO di Seattle dan pada satu Persidangan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Perdagangan dan Pembangunan (Unctad) di Bangkok pada Disember lalu.

Dr Mahathir akan menghadiri mesyuarat penyelarasan ketua-ketua Asean setibanya di sini, diikuti dengan mesyuarat penyelarasan pemimpin-pemimpin Asean tujuh campur tiga (China, Korea Selatan dan Jepun) untuk merangka kedudukan Asia.

"Para pemimpin Asia akan juga melantik seorang jurucakap untuk memaklumkan kepada pihak Eropah mengenai kedudukan mereka," kata seorang diplomat Malaysia.

Perdana Menteri China Zhu Rongji merupakan pemimpin pertama yang tiba di sini semalam untuk melakukan lawatan rasmi ke Korea Selatan sebelum bermulanya persidangan itu yang dijadualkan pada 20 hingga 21 Okt.

Mesyuarat itu yang bertemakan "Perkongsiannya bagi Kemakmuran dan Kestabilan pada Alaf Baru" akan menghimpunkan ketua-ketua kerajaan dan wakil kanan tujuh negara "lama" Asean, China, Korea Selatan dan Jepun selain 15 negara anggota Kesatuan Eropah (EU).

Tujuh daripada 10 anggota Asean itu ialah Brunei, Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam. Tiga lagi negara anggota Asean ialah Kemboja, Laos dan Vietnam.

Mengikut data 1998, saiz ekonomi rantau Asem daripada segi Keluaran Negara Kasar berjumlah US\$15.33 trilion dengan EU berjumlah US\$8.33 trilion dan 10 negara Asia itu kira-kira US\$7 trilion.

Asem, satu idea yang diketengahkan oleh Singapura, adalah satu forum bagi negara-negara di Asia dan Eropah untuk menggalakkan kerjasama ekonomi, politik dan kebudayaan. Para pemimpin itu bertemu untuk kali pertama di Bangkok pada Mac 1996 dan Asem kedua berlangsung di London pada April 1998.

Semasa sidang kemuncak Seoul itu, para pemimpin dijangka meluluskan Kerangka Kerja Kerjasama Asia-Eropah (AECF) yang menggariskan wawasan Asem, prinsip-prinsip asas dan objektifnya untuk abad berikutnya selain projek-projek yang akan dilaksanakan.

Korea Selatan, penyandang jawatan presiden Asem sekarang, sedang menyiapkan Kenyataan Pengerusi yang akan menggabungkan pelan-pelan tindakan bagi kerjasama perniagaan antara benua.

Para pemimpin Asia dan Eropah dijangka memperkenalkan 20 projek baru pada sidang kemuncak itu. Korea Selatan dijangka mengemukakan satu projek besar untuk mewujudkan satu rangkaian maklumat berkelajuan tinggi yang menghubungkan Asia ke Eropah.

Projek lain termasuk mengurangkan jurang digital dan mengaktifkan E-Dagang dan meningkatkan faedah bersama menerusi pelonggaran perdagangan dan pelaburan.

Yang penting sekali bagi Korea Selatan adalah Asem III akan menjadi kemuncak usahanya dalam mendapatkan sokongan dan kerjasama daripada masyarakat antarabangsa bagi penyatuan keamanan dan perdamaian di Semenanjung Korea.

-- BERNAMA
ES AFY AKD